

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]
TARIKH : 18.6.2014
SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarat-syarat dan statistik pelajar-pelajar yang telah diterima masuk ke program Matrikulasi Kementerian Pendidikan dari tahun 2010 ke 2014. Sila nyatakan statistik dari segi pecahan kaum dan jantina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap tahun terdapat peningkatan pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Justeru, wujud persaingan yang sangat tinggi dalam kalangan pelajar cemerlang ke Program Matrikulasi. Untuk makluman ahli yang berhormat, sejak tahun 2010 hingga 2014 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menawarkan sebanyak 28,000 tempat telah disediakan dengan agihan 90% diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera dan 10% kepada pelajar Bukan Bumiputera. Pelajar-pelajar ini akan mengikuti dua (2) jurusan iaitu Jurusan Sains dan Jurusan Perakaunan.

Pemilihan pelajar ke Program Matrikulasi adalah berdasarkan kriteria-kriteria tertentu seperti berikut:

- a) Hanya calon yang memohon dan melepasi syarat kelayakan minimum layak dipertimbangkan ke Program Matrikulasi;
- b) Pemilihan pelajar adalah mengikut sistem meritokrasi iaitu gabungan 90% akademik dan 10% kokurikulum [akademik – hanya empat (4) mata pelajaran sahaja dikira dan kokurikulum – purata markah dari tingkatan satu (1) hingga tingkatan lima (5)];
- c) Jumlah pengambilan mengikut kepada 90% diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera dan 10% kepada pelajar Bukan Bumiputera;
- d) Program Matrikulasi menawarkan dua jurusan iaitu Jurusan Sains dan Jurusan Perakaunan;
- e) Pengambilan HANYA dibuat sebanyak dua kali sahaja. Sekiranya jumlah pelajar yang mendaftar pada ambilan pertama kurang MAKA tawaran kedua dibuat berdasarkan kekosongan tempat dan jurusan untuk mencukupkan tempat yang tersedia;
- f) Tiada ambilan ketiga dibuat; dan
- g) Semua pelajar akan ditempatkan secara merata berdasarkan keseimbangan kaum dan negeri di semua kolej matrikulasi atas konsep Gagasan 1Malaysia.